



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



# BERITA

24 JAM

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

*Untuk makluman:*

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

**Tarikh: 5 JUN 2024**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# KPDN kaji gubal akta 'Lemon Law'

Usaha wujud kerangkaindungi pengguna berkait pertikaian kenderaan alami kerosakan

Oleh Ercy Gracella Ajos  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang menjalankan kajian untuk menggubal perundangan berkaitan 'Lemon Law' bagi mewujudkan kerangka perundangan berkaitan pertikaian kenderaan yang mengalami kerosakan supaya pengguna mendapat perlindungan yang komprehensif.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, kajian itu bermula pada Jun hingga September ini membabitkan pelantikan perunding terdiri daripada pakar perundangan un-

tuk melaksanakan reformasi undang-undang berkaitan bagi mewujudkan kerangka perundangan perlindungan pengguna yang lebih komprehensif.

## Banyak isu berbangkit

Katanya, hal itu sejajar kehendak dan tuntutan semasa yang mana banyak isu berbangkit, termasuk berkaitan Lemon Law dan menuntut kerajaan melaksanakan reformasi.

"Kita sedia maklum, di Malaysia sekarang kita ada empat akta yang mempunyai ciri-ciri atau unsur Lemon Law, termasuk Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599], Akta Kontrak 1950, Akta Jualan Barangan 1957 dan Akta Sewa Beli 1967.

"Dengan kepelbagaian akta ini, dapatan kita dan juga aspirasi daripada pelbagai pihak khususnya pengguna, kita melihat ada isu berbangkit yang menuntut untuk melaksanakan reformasi dalam mewujudkan satu kerangka perundangan perlindungan pengguna yang komprehensif," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Simposium Kepenggunaan Malaysia 2024 di sini, semalam.



Armizan dan Fuziah (dua dari kiri) bersama peserta pada Simposium Kepenggunaan Malaysia 2024, di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh.

Armizan berkata, laporan berkaitan kajian itu akan menjadi asas kepada pertimbangan bagi keperluan untuk mewujudkan keputusan dasar sama ada wujud keperluan untuk mewujudkan satu akta khusus berkaitan Lemon Law atau melaksanakan pindaan kepada akta sedia ada.

"Ini kerana ada pihak yang berpendapat (pindaan) boleh dilaksanakan dan diperkukuhkan

balik dan sebaliknya ada juga pihak yang melihat perlu wujud akta khusus berkaitan Lemon Law.

"Dalam hal ini, kita akan buat keputusan bersandarkan kepada laporan perunding pakar terbahit dan sekiranya dipersetujui, kita akan membawanya kepada proses *Regulatory Impact Assessment* (RIA) dan seterusnya kita akan bawa kepada jemaah menteri.

"Kita menyasarkan untuk kemukakan dan membentangkan perkara ini seawal Mac tahun

depan," katanya.

Undang-undang Lemon menyediakan penyelesaian untuk pembeli kenderaan bermotor dan barangan pengguna lain untuk mendapatkan pampasan bagi produk yang berulang kali gagal memenuhi piawaian kualiti dan prestasi.

Armizan berkata, sebelum kerangka perundangan baharu itu dimuktamadkan, KPDN juga melaksanakan dua strategi interim pendayaupayaan perlindungan pengguna untuk melindungi pengguna.

Pengguna boleh tuntutan pampasan jika beli produk rosak, tidak berkualiti

## 'Lemon Law' dibentangkan 2025

Oleh **MUHAMMAD NAJIB AHMAD FUAD**

**PUTRAJAYA** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan membentangkan akta baharu atau meminda undang-undang sedia ada berkaitan 'Lemon Law' di Parlimen seawal penggal pertama tahun depan.

'Lemon Law' membolehkan pengguna menuntut pampasan dalam bentuk wang atau gantian daripada pengeluar atau penjual jika menjual produk rosak, terutamanya kenderaan bermotor yang gagal memenuhi standard kualiti serta prestasi dalam tempoh masa tertentu.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, pihaknya telah melantik pakar perundangan dalam menjalankan ka-

“

Sejak 2019 sehingga kini, 557 kes membabitkan kereta baharu difailkan di TTPM.”

**ARMIZAN**



jian pewujudan perundangan berkaitan 'Lemon Law' bermula bulan ini hingga September.

“Di Malaysia, peruntukan perundangan bercirikan 'Lemon Law' berkaitan hak tebus rugi pengguna terhadap pembekal dan pengilang untuk barangan yang tidak mematuhi gerenti termaktub dalam Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) di bawah kawal selia KPDN.

“Selain Akta 599, beberapa perundangan lain seperti Akta Kontrak 1950, Akta Jualan Barangan 1957 dan Akta Sewa Beli 1967 turut mempunyai peruntukan undang-undang yang mempunyai komponen 'Lemon Law,’” katanya selepas merasmikan Majlis Penutup Simposium Kepenggunaan Malaysia 2024 berkaitan 'Lemon Law', di sini semalam.

Armizan berkata, sebelum kerangka perundangan baharu dimuktamadkan, pihaknya melaksanakan dua strategi interim berkuat kuasa 1 Jun ini bagi pendayaupayaan perlindungan pengguna iaitu penubuhan Pasukan Rundingan Khas Berkaitan Aduan Kenderaan Bermotor.

Katanya, strategi lain juga adalah dengan pengukuhan proses Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) melalui kerjasama strategik dengan Bank Negara.

“Sejak 2019 sehingga kini, sebanyak 557 kes membabitkan kereta baharu difailkan di TTPM dengan 523 kes telah selesai, manakala 34 kes masih belum selesai.

“TTPM turut menerima 1,201 kes membabitkan kereta terpakai dengan 1,142 kes telah selesai,” katanya.

## Akta berkaitan Lemon Law dibentangkan Mac tahun depan

**PUTRAJAYA** - Akta baharu atau pindaan akta berkaitan *Lemon Law* dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat pada Mac tahun depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Ali berkata, pihak kementerian telah melantik pakar perundangan untuk menjalankan Kajian Pewujudan Perundangan berkaitan *Lemon Law* bermula bulan ini dan dijangka selesai September depan.

"Mereka akan mengemukakan laporan komprehensif untuk dibentangkan kepada kementerian dan ia akan menjadi asas kepada pertimbangan bagi kementerian mendapatkan keputusan dasar sama ada perlu wujud satu akta khusus bagi *Lemon Law* atau kita melaksanakan pindaan kepada akta sedia ada," katanya ketika sidang akhbar selepas merasmikan Simpo-

sium Kepenggunaan 2024 di sini pada Selasa.

Menurutnya, sebelum kerangka perundangan baharu dimuktamadkan, KPDN akan melaksanakan dua strategi interim penda-yaupayaan perlindungan pengguna dengan menubuhkan Pasukan Rundingan Khas Berkaitan Aduan Kenderaan Bermotor di peringkat kementerian.

"Kaedah rundingan yang akan digunakan adalah secara Tripartite antara kementerian, pembeli kereta dan pengedar atau pengilang.

"Melalui rundingan khas ini, satu solusi yang adil dan seimbang melibatkan semua pihak diharap akan dicapai. Pasukan rundingan ini sudah bermula



ARMIZAN

pada Sabtu lalu," jelasnya.

Dalam pada itu, Armizan berkata, KPDN juga dalam proses untuk mendapatkan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM) agar satu penyelarasan dan penyeragaman berkenaan surat persetujuan terima dibuat antara institusi perbankan bagi membolehkan pengguna membuat tuntutan tebus guna di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) atau mahkamah.

"Pada masa kini antara ke-  
kangan yang dihadapi pengguna apabila ingin menuntut tebus rugi adalah kesukaran untuk mendapatkan surat persetujuan daripada bank disebabkan isu pemilikan kenderaan di bawah Akta

Sewa Beli 1967 atau Akta 212.

"Tafsiran pemilikan berdasarkan akta itu adalah bank atau institusi kewangan merupakan pemilik kenderaan manakala pengguna adalah penyewa.

"Hak milik kenderaan hanya akan diserahkan kepada pengguna apabila selesai pembayaran," ujarnya.

Sejak 2019 sehingga kini, sebanyak 557 pemfailan kas kereta baharu direkodkan di TTPM dengan 523 kes telah selesai manakala 1,201 kes melibatkan kereta terpakai dengan 1,142 kes telah diselesaikan.

Sementara itu, beliau berkata, dua strategi interim itu merupakan inisiatif intervensi kerajaan untuk membantu pengguna apabila tuntutan awal mereka dengan pemain industri kurang berjaya dan tidak dapat diselesaikan.

"Kerajaan amat berharap se-  
kiranya pemain industri automa-

tif bersedia untuk menyahut hasrat ini dan bersedia bekerjasama melindungi hak pengguna dan memupuk pasaran yang adil serta telus," tambahnya.

*Lemon Law* merupakan undang-undang negeri yang di-  
asaskan di Amerika Syarikat bertujuan agar pembeli kereta menerima pampasan seandainya produk yang dibeli rosak berkali-kali dan gagal berfungsi seperti dijanjikan.

Di Malaysia terdapat empat akta bercirikan *Lemon Law* berkaitan hak tebus rugi pengguna terhadap pembekal dan pengilang untuk barangan yang tidak mematuhi gerenti termaktub dalam Akta Pelindungan Pengguna 1999 (Akta 599).

Selain itu, beberapa per-  
undangan lain seperti Akta Kontrak 1950, Akta Jualan Barangan 1957 dan Akta Sewa Beli 1968 turut mempunyai kom-  
ponen *Lemon Law*.

## KPDN mulling lemon law to deal with defective vehicles

**PUTRAJAYA:** The government plans to introduce a lemon law or amend existing ones related to defective vehicles next March for a more comprehensive consumer protection framework, it was announced.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said a group of legal experts has been appointed to prepare a report on best practices implemented in several countries and hold engagement sessions with the relevant parties.

"They will start work from June until the end of September and submit a comprehensive report to the ministry," he said after opening the Malaysian Consumer Symposium 2024 here yesterday, Bernama reported.

Lemon law is a statute that grants the purchaser of a car specific remedies if the car has a defect that impairs or significantly affects its use, value or safety and which cannot be repaired within a specified period.

Armizan cited four laws with Lemon Law features – Consumer Protection Act (Act 599), Contract Act 1950, Sale of Goods Act 1950 and Hire-Purchase Act 1967.

In the meantime, he said the ministry would implement two interim consumer protection strategies, namely the creation of a tripartite negotiation task force for motor vehicle complaints involving the ministry, buyers and distributors or manufacturers, and strengthening the process of the Tribunal for Consumer Claims Malaysia through the cooperation of Bank Negara.

This special negotiation involves new private vehicles (cars or motorcycles) not more than six months old from the date of registration that are still under the valid warranty period and yet to be modified, among others.

He said consumers facing issues with their new motor vehicles whose initial claims with the manufacturers were unsuccessful can submit their complaints through the ministry's official channels.

Armizan said the ministry was also seeking Bank Negara's cooperation to facilitate the issuance of consent letters by banking or financial institutions to allow consumers to make compensation claims at the tribunal or the courts.

He said among the constraints consumers faced when seeking compensation for faulty new vehicles was the difficulty in obtaining consent letters due to ownership issues under the Hire-Purchase Act 1967 that allowed the vehicles to be transferred to the consumer only upon completion of payment.

"It is expected that through this second strategy, consumers can successfully resolve their claims at the tribunal," he said.

The minister said it was the government's hope that industry players, especially the automotive industry, were willing to respond and cooperate in protecting consumer rights and fostering a fair and transparent market.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **UMUM**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Broker padi tawar harga lebih tinggi

Oleh **MUHAMAD AIMY AHMAD**  
utusannews@mediamulla.com.my

**ALOR SETAR:** Isu ketiadaan beras putih tempatan yang didakwa dibungkus pengilang sebagai beras putih import, sukar dibendung daripada awal kerana petani sendiri tiada pilihan untuk menjual padi mereka kepada pihak yang telus.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang petani yang hanya mahu dikenali sebagai Ishak, 60-an berkata, setelah membanting tulang selama beberapa bulan, mereka perlu memastikan pendapatan selepas menuai padi berbaloi dan setimpal dengan modal dikeluarkan.

Katanya, isu beras tempatan

yang dibungkus sebagai beras import berada di luar kawalan petani kerana sebagai penjual padi, mereka sudah tentu akan mencari pembeli atau pengilang yang menawarkan harga belian paling tinggi pada setiap musim.

“Bagi menampung kos input padi termasuk baja, racun dan sewa jentera, kami perlu pastikan hasil yang diperolehi mendapat pulangan baik bagi mengimbangi kos sara hidup yang semakin meningkat.

“Apabila ada kilang yang boleh beli padi dengan harga RM1,600 setiap tan metrik, mengapa kami hendak jual kepada kilang yang tawarkan harga lantai RM1,300 sahaja. Kalau lima tan padi, kami sudah terlepas

RM1,500 setiap musim,” katanya ketika ditemui semalam.

*Utusan Malaysia* sebelum ini melaporkan, Setiausaha Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Nur Fitri Amir berkata, kebanyakan kilang berebut membeli padi dengan jumlah yang banyak pada harga RM1,600 per tan bagi membolehkan mereka menjual beras RM40 ke atas dengan menukar kampil yang dicop beras putih import.

Keadaan itu menurutnya, menjadi penyebab mengapa lebih banyak beras putih import terdapat di pasaran berbanding beras putih tempatan walaupun hasil tuaian padi di seluruh negara masih tinggi pada setiap

musim.

Seorang lagi petani, Zamri, 50-an turut mengakui dia didekati orang tengah atau broker padi yang menawarkan harga belian padi sebanyak RM1,600 per tan ketika tuaian pada musim tanaman lalu.

“Kos input padi bukan semakin menurun sebaliknya sama-sama meningkat seperti barangan keperluan lain, kalau kami hendak jual kepada pengilang yang ambil paling murah memang rugi banyak.

“Apa yang terjadi dengan beras tempatan selepas itu seperti ditukar menjadi beras import kami tidak boleh buat apa-apa kerana akhirnya sebagai pengguna kami sendiri terpaksa beli

beras yang berharga RM40 ke atas bagi kampil 10 kilogram,” ujarnya.

Sementara itu, Pengerusi Badan Bertindak Petani di kawasan MADA, Che Ani Mat Zain berkata, pihak berkuasa terutama Kawal Selia Padi dan Beras perlu melipat gandakan tindakan pemeriksaan di pintu-pintu masuk kilang padi.

“Kalau sudah terlepas masuk ke kilang, sukar untuk kita tentukan sama ada ia memang beras import atau beras tempatan yang telah dilabel sebagai import. Memang ada cara untuk buktikannya tetapi ia mengambil masa dan sudah tentu akan menjejaskan bekalan beras di pasaran pula,” katanya.



## Bekalan beras tempatan diterima dua kali sebulan

**KLUANG:** Isu ketiadaan beras tempatan dalam pasaran terus menghantui penduduk apabila sukar memperoleh bekalannya walaupun terpaksa menjelajah ke beberapa pasar raya atau kedai runcit di bandar ini.

Keadaan itu membuatkan orang ramai terpaksa membeli beras import yang dijual lebih tinggi, iaitu RM38 dan ke atas bagi sekampit 10 kilogram, sekali gus meningkatkan perbelanjaan harian, khususnya bagi golongan yang mempunyai keluarga besar.

Seorang pekerja sebuah pasar raya, Roslan Ariffin, 35, berkata, bekalan beras tempatan di tempatnya bekerja hanya dihantar oleh pembekal dua kali sebulan dengan jumlah hanya antara 100 atau 150 kampakit setiap kali penghantaran.

Jumlah itu hanya mampu bertahan dalam tempoh satu

hari walaupun penjualan dihadkan hanya satu kampakit untuk setiap pembelian bagi sebuah keluarga.

“Walaupun bagaimanapun, di kedai runcit keadaannya berbeza apabila hanya menerima bekalan sebanyak 50 kampakit bagi sekali penghantaran untuk tempoh dua minggu sekali.

“Tak mungkin jumlah itu mencukupi untuk bekalan kepada lebih 100,000 penduduk di bandar ini yang kebanyakannya golongan B40,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Seorang penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Hamzah, 40, memberitahu keluarganya memerlukan tiga kampakit beras (30 kilogram) setiap bulan dengan kos RM115 apabila membeli beras import berbanding hanya RM78 sekiranya menggunakan beras tempatan pada harga RM26 sekampakit.



**BERAS** tempatan terus sukar diperoleh di Kluang apabila bekalan hanya diperoleh dua kali sebulan dalam jumlah yang mampu bertahan untuk jualan bagi tempoh sehari sahaja.

Penduduk Kluang terpaksa beli beras import

## Dua kali sebulan hantar 100 kampil

Oleh **ADNAN IBRAHIM**

**KLUANG** – Isu ketiadaan beras tempatan di pasaran terus menghantui penduduk apabila sukar memperoleh bekalan walaupun terpaksa menjelajah ke seluruh pasar raya atau kedai runcit yang beroperasi di bandar ini.

Keadaan ini memaksa orang ramai untuk membeli beras import dengan harga RM38 ke atas dan secara tidak langsung meningkatkan kos perbelanjaan harian khususnya mereka yang mempunyai keluarga besar.

Seorang pekerja sebuah pasar raya, Roslan Ariffin, 35, berkata, bekalan beras tempatan di tempatnya bekerja hanya dihantar oleh pembekal dua kali sebulan dengan jumlah hanya

kira-kira 100 atau 150 kampil (10 kg satu kampil) setiap kali penghantaran.

Katanya, jumlah itu hanya mampu bertahan dalam tempoh tidak sampai satu hari walaupun penjualan dihadkan satu kampil untuk setiap pembelian bagi satu keluarga.

“Bagaimanapun, di kedai runcit keadaannya berbeza apabila hanya menerima bekalan sekitar 50 kampil sekali penghantaran untuk tempoh dua minggu sekali.

“Mana mungkin jumlah seperti ini mencukupi untuk bekalan kepada lebih 100,000 penduduk di bandar ini yang kebanyakan mereka dalam golongan B40,” katanya kepada pemberita semalam.

Sementara itu, seorang pen-

duduk yang hanya mahu dikenali sebagai Hamzah, 40, berkata, keluarganya memerlukan tiga kampil beras (30 kilogram) setiap bulan dengan kos sekitar RM115 dan jumlah itu jauh berbeza sekiranya menggunakan beras tempatan iaitu RM78.

Ujarnya, statistik pengeluaran beras tempatan yang diumumkan kerajaan berjumlah ratusan ribu tan sebulan seakan hanya angka semata-mata kerana dengan jumlah itu sewajarnya mampu menambah jumlah bekalan beras tempatan di pasaran.

“Kami berharap masalah ini akan dapat diatasi segera kerana dengan harga barang-barang keperluan tempatan yang semakin meningkat akan menambah beban kos perbelanjaan keluarga,” katanya.



LAMBAKAN beras import yang memenuhi ruang jualan di sebuah pasar raya di Kluang semalam.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARIKH 5 JUN 2024**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
5-Jun	Lemon Law: Bentang akta baharu atau pinda akta sedia ada Mac depan	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/lemon-law-bentang-akta-baharu-atau-pinda-akta-sedia-ada-mac-depan/">https://www.buletintv3.my/nasional/lemon-law-bentang-akta-baharu-atau-pinda-akta-sedia-ada-mac-depan/</a>	BULETIN TV3
5-Jun	Akta berkaitan Lemon Law dibentangkan Mac tahun depan	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/668196/berita/nasional/akta-berkaitan-lemon-law-dibentangkan-mac-tahun-depan">https://www.sinarharian.com.my/article/668196/berita/nasional/akta-berkaitan-lemon-law-dibentangkan-mac-tahun-depan</a>	SINAR HARIAN
5-Jun	Pasukan rundingan khas ditubuh, lindungi hak pengguna isu kenderaan	<a href="https://www.malay.news/pasukan-rundingan-khas-ditubuh-lindungi-hak-pengguna-isu-kenderaan/">https://www.malay.news/pasukan-rundingan-khas-ditubuh-lindungi-hak-pengguna-isu-kenderaan/</a>	MALAY NEWS
5-Jun	Pasukan rundingan khas ditubuh, lindungi hak pengguna isu kenderaan	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/06/pasukan-rundingan-khas-ditubuh-lindungi-hak-pengguna-isu-kenderaan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/06/pasukan-rundingan-khas-ditubuh-lindungi-hak-pengguna-isu-kenderaan/</a>	UTUSAN MALAYSIA
5-Jun	KPDN lantik pakar kaji 'Lemon Law', keputusan akan dibentang di Parlimen tahun depan	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-lantik-pakar-kaji-lemon-law-keputusan-akan-dibentang-di-parlimen-tahun-depan">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-lantik-pakar-kaji-lemon-law-keputusan-akan-dibentang-di-parlimen-tahun-depan</a>	BERITA RTM
5-Jun	KPDN SASAR BENTANG USUL ATAU PINDAAN BERKAITAN LEMON LAW PADA MAC 2025	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2304356">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2304356</a>	BERNAMA
5-Jun	KPDN sasar bentang usul atau pindaan berkaitan Lemon Law pada Mac 2025	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-sasar-bentang-usul-atau-pindaan-berkaitan-lemon-law-pada-mac-2025-473423">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-sasar-bentang-usul-atau-pindaan-berkaitan-lemon-law-pada-mac-2025-473423</a>	ASTRO AWANI
5-Jun	KPDN sasar bentang usul atau pinda akta berkaitan 'Lemon Law' tahun depan	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/707655">https://www.malaysiakini.com/news/707655</a>	MALAYSIA KINI
5-Jun	KPDN aims to introduce Lemon Law or amend existing acts for defective vehicles next year	<a href="https://thesun.my/local-news/kpdn-aims-to-introduce-lemon-law-or-amend-existing-acts-for-defective-vehicles-next-year-EF12533340">https://thesun.my/local-news/kpdn-aims-to-introduce-lemon-law-or-amend-existing-acts-for-defective-vehicles-next-year-EF12533340</a>	THE SUN

5-Jun	Domestic Trade Ministry aims to introduce lemon law or amend existing Acts for defective vehicles next year, says Armizan	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/06/04/domestic-trade-ministry-aims-to-introduce-lemon-law-or-amend-existing-acts-for-defective-vehicles-next-year-says-armizan/138054">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/06/04/domestic-trade-ministry-aims-to-introduce-lemon-law-or-amend-existing-acts-for-defective-vehicles-next-year-says-armizan/138054</a>	MALAY MAIL
5-Jun	Putrajaya mulling introduction of 'lemon law' for defective vehicles in 2025	<a href="https://www.theedgemaalaysia.com/node/714120">https://www.theedgemaalaysia.com/node/714120</a>	THE EDGE MALAYSIA
5-Jun	Terengganu Domestic Trade Ministry seizes 20,000 litres of diesel and tugboat worth RM312,000	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/06/04/terengganu-domestic-trade-ministry-seizes-20000-litres-of-diesel-and-tugboat-worth-rm312000/138101">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/06/04/terengganu-domestic-trade-ministry-seizes-20000-litres-of-diesel-and-tugboat-worth-rm312000/138101</a>	MALAY MAIL
5-Jun	KPDN TERENGGANU RAMPAS 20,000 LITER DIESEL DARI KAPAL TUNDA	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2304467">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2304467</a>	BERNAMA
5-Jun	T'ganu KPDN seizes 20,000 litres of diesel and tugboat worth RM312,000	<a href="https://thesun.my/local-news/t-ganu-kpdn-seizes-20000-litres-of-diesel-and-tugboat-worth-rm312000-KF12534439">https://thesun.my/local-news/t-ganu-kpdn-seizes-20000-litres-of-diesel-and-tugboat-worth-rm312000-KF12534439</a>	THE SUN
5-Jun	KPDN Terengganu rampas 20,000 liter diesel daripada kapal tunda	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-terengganu-rampas-20000-liter-diesel-daripada-kapal-tunda/">https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-terengganu-rampas-20000-liter-diesel-daripada-kapal-tunda/</a>	BULETIN TV3
5-Jun	KPDN Terengganu rampas 20,000 liter diesel dari kapal tunda	<a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-terengganu-rampas-20-000-liter-diesel-dari-kapal-tunda">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-terengganu-rampas-20-000-liter-diesel-dari-kapal-tunda</a>	BERITA RTM
5-Jun	Beli diesel di tengah laut, jual di pasaran gelap	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/06/1097260/beli-diesel-di-tengah-laut-jual-di-pasaran-gelap">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/06/1097260/beli-diesel-di-tengah-laut-jual-di-pasaran-gelap</a>	HARIAN METRO
5-Jun	Beli diesel di tengah laut, jual di pasaran gelap	<a href="https://www.malay.news/beli-diesel-di-tengah-laut-jual-di-pasaran-gelap/">https://www.malay.news/beli-diesel-di-tengah-laut-jual-di-pasaran-gelap/</a>	MALAY NEWS
5-Jun	Govt urged to continue spreading information about fleet card	<a href="https://thesun.my/local-news/govt-urged-to-continue-spreading-information-about-fleet-card-FF12534032">https://thesun.my/local-news/govt-urged-to-continue-spreading-information-about-fleet-card-FF12534032</a>	THE SUN